

Isu keganasan fokus sidang OIC

UM 14 AUG 2003

Daripada HAMZAH SIDEK

ALGIERS 13 Ogos — Sidang kemuncak OIC di Putrajaya pada Oktober ini akan memberi fokus kepada isu keganasan dan dijangka merumuskan kata sepakat untuk menekan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menamatkan segala punca keganasan yang dikaitkan dengan Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan sidang kemuncak OIC itu pada 14 - 16 Oktober berkata di sini, antara punca keganasan ialah isu Palestin dan penaklukan Iraq oleh tentera Amerika Syarikat dan Britain.

Beliau berharap negara-negara OIC akan bersatu dalam memberikan tekanan kepada PBB dan lain-lain negara supaya menyelesaikan segera punca-punca keganasan itu.

"Kami percaya bahawa punca-punca keganasan ini mestilah ditamatkan," katanya pada sidang akh-

bar di ibu negara Algeria ini sebelum berlepas ke Swaziland untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika.

Selain memberi fokus kepada isu keganasan, menurut beliau, sidang kemuncak itu juga akan mengambil langkah untuk membetulkan tanggapan salah terhadap Islam yang dikaitkan dengan keganasan.

"Sudah tentulah ada kumpulan yang sesat dan pelampau (di kalangan umat Islam), tetapi ini juga ada dalam lain-lain agama," jelasnya membayangkan isu ini akan turut diberi penekanan pada sidang kemuncak OIC ke-10 itu.

Mengenai Iraq, Dr. Mahathir berkata, pasukan pengaman PBB hendaklah mengambil alih tempat tentera AS dan Britain di negara itu.

"Amat ketara bahawa rakyat Iraq sekarang tidak mahukan kehadiran tentera AS dan Britain lagi," tegasnya merujuk kepada serangan yang dilancarkan terhadap tentera AS hampir setiap hari.

Jika PBB mengambil alih kawal-

an di Iraq, menurut beliau, langkah yang sepatutnya dijalankan ialah memberikan hak kepada rakyat Iraq untuk memilih kerajaan mereka sendiri.

"Sesiapa sahaja yang mereka pilih hendaklah diterima tanpa soal oleh semua pihak," tambahnya.

Mengenai lawatan rasmi tiga hari ke Algeria, Dr. Mahathir berkata, banyak perkara yang dicapai bagi meningkatkan hubungan dua hala, terutama dari segi perdagangan dan pelaburan.

Apa yang penting ialah langkah susulan oleh kedua-dua pihak kerajaan dan swasta. Kata beliau, para menteri dan pegawai kanan kerajaan akan membuat lawatan susulan bagi memperkukuh kerjasama erat yang terjalin.

Antara bidang yang akan diberi perhatian ialah teknologi maklumat dan komunikasi, pembinaan dan usahama perniagaan. — Utusan.